

26/03/2004

KM arah wakil rakyat tubuh pusat khidmat

Daud Awang

MELAKA: Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, mengarahkan setiap wakil rakyat di negeri mempunyai pusat perkhidmatan masing-masing bagi membolehkan orang ramai berjumpa dengan mereka pada setiap masa.

Beliau berkata, pusat berkenaan boleh diadakan di kompleks Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (Japerun) atau menyewa bangunan yang difikirkan sesuai dan strategik.

Katanya, penubuhan pusat perkhidmatan wakil rakyat ini penting untuk memastikan setiap masalah rakyat mudah diberi perhatian dan sekali gus cara berkesan untuk bertemu rakyat setiap masa.

"Jika wakil rakyat itu ada urusan lain atau pergi mesyuarat, seorang pembantu khas perlu bertugas di pusat berkenaan untuk menerima sebarang aduan daripada rakyat.

"Dengan cara ini, kerajaan negeri dapat mengatasi pelbagai masalah rakyat dan sekali gus dapat mewujudkan kerajaan yang cekap dan berkesan selepas mendapat mandat besar pada pilihan raya umum lalu," katanya kepada Berita Harian.

Kelmarin, Mohd Ali dipetik berkata kerajaan negeri akan menubuhkan Unit Pemantauan Perkhidmatan Wakil Rakyat (UPW) bagi mengesan dan menilai prestasi wakil rakyat di negeri ini.

Katanya, unit itu akan ditempatkan di Jabatan Ketua Menteri (JKM) dan diketuai seorang pengarah dengan dibantu beberapa kakitangan sokongan lain.

Beliau berkata, antara fungsi unit itu ialah menyemak dan menerima laporan bulanan yang akan dihantar oleh setiap wakil rakyat untuk diteliti oleh Ketua Menteri sebelum dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk penilaian.

Mohd Ali berkata, kerajaan negeri juga akan meneruskan program Hari Bersama Rakyat pada setiap Khamis dan Hari Kebajikan pada setiap Jumaat, yang dilancarkan sejak dua tahun lalu.

Program Hari Bersama Rakyat adalah untuk membolehkan rakyat bertemu wakil rakyat, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dan Ketua Menteri di pejabat masing-masing manakala Hari Kebajikan, ialah untuk mereka turun ke padang bertemu dengan rakyat.

Mengenai teguran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya wakil rakyat jangan lalai, Mohd Ali berkata, teguran itu wajar diberi perhatian oleh semua wakil rakyat di negeri ini.

"Teguran itu ada kewajarannya dan sebagai wakil rakyat kita perlu menunaikan amanah dan tanggungjawab selepas diberi mandat oleh rakyat pada pilihan raya umum lalu," katanya.